

PENGURUSAN WAKAF TUNAI IPT DI NEGERI SELANGOR

¹Muhammad Lutfi Bin Md Latib, ² Mohd Zamro Bin Muda & ³Shofian Ahmad
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: lutfi_latif@ymail.com, zamro@ukm.edu.my, Shopian@ukm.edu.my

Abstrak: *Wakaf tunai adalah merupakan alternatif dan kepentingan umat Islam pada masa kini khususnya dalam sektor pendidikan negara. Institusi pengajian tinggi awam (IPT) tidak terlepas daripada peranan dalam menjalankan aktiviti wakaf bagi menjana dana universiti dan meningkatkan prasarana bagi kemanfaatan staf dan para pelajar. Terdapat pelbagai langkah yang dilakukan oleh IPT di Malaysia untuk mengembangkan dana wakaf. Kajian pengurusan wakaf tunai ada dibincangkan namun kajian khusus pengurusan wakaf tunai di IPT negeri Selangor masih belum dibincangkan. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti satu pengurusan wakaf tunai IPT di negeri Selangor yang berkesan yang mesti diamalkan supaya ia menjadi satu model pengurusan wakaf tunai yang terbaik dan wajar dicontohi. Kajian ini meninjau kepada model pengurusan wakaf tunai yang telah dilakukan oleh IPT di negeri Selangor iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk temubual wakil yang berkhidmat di bahagian wakaf IPT yang berkaitan yang dianalisis secara komparatif. Hasil kajian ini mendapati bahawa pentingnya wujud satu hala tuju bagi pengurusan wakaf tunai IPT di negeri Selangor bagi melestarikan dan meningkatkan harta wakaf IPT.*

Kata Kunci: *Wakaf Tunai, Model, Pengurusan, Institusi Pengajian Tinggi*

I. Pendahuluan

Ilmu Negara-negara di seluruh dunia amat menekankan aspek pendidikan dan latihan di dalam agenda mereka. Ini menunjukkan betapa hal pendidikan bukan suatu perkara remeh yang diabaikan. Sehubungan dengan hal itu, negara memerlukan peruntukan bajet yang tinggi untuk dilaburkan dalam sektor ini. Menurut satu kajian, sektor pendidikan yang diberikan peningkatan jumlah belanja telah berjaya menyuntik dan memberikan kesan yang signifikan dengan pertumbuhan ekonomi negara (Rahmah Ismail 1998). Oleh itu, wakaf menjadi agenda alternatif dalam mengembangkan institusi pendidikan termasuklah institusi pengajian tinggi di Malaysia. Mengimbas kembali zaman kegemilangan Islam, wakaf menjadi sumber dana penting dalam sesebuah negara. Sektor-sektor kebajikan, kesihatan, pendidikan dan penyelidikan banyak diperolehi hasil sumbangan wakaf (Razali Othman 2015). Negara-negara Timur Tengah seperti Jordan, Mesir dan Turki, bidang kesihatan, pendidikan dan penyelidikan telah dimajukan oleh institusi wakaf sekaligus menjadikan ia sebagai peranan yang produktif (Ahmad Shaifful Anuar 2015). Dalam era ini, pentadbiran dan pengurusan wakaf oleh institusi pengajian tinggi di Malaysia semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. Hal yang demikian kerana wakaf dianggap satu mekanisme yang boleh menjadi agenda penting dalam pembangunan dan kemajuan institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Beberapa institusi pengajian tinggi di negeri Selangor kini telah mula menjalankan aktiviti wakaf. Aktiviti kutipan wakaf oleh institusi pengajian tinggi dianggap mampu mengurangkan kebergantungan dana kerajaan dalam menjalankan operasi universiti. Di Selangor ini terdapat beberapa institusi pengajian tinggi yang telah menjalankan aktiviti kutipan wakaf antaranya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Jika dilihat kepada perbincangan di atas didapati setiap institusi pengajian tinggi ini mengendalikan pengurusan wakaf tunai yang berbeza. Mungkin ada yang merancang wakaf tunai itu dijadikan buku-buku kajian, ada pula yang merancang untuk dijadikan asrama, ada yang merancang untuk dijadikan kedai dan sebagainya. Jadi, timbul isu apakah bentuk pengurusan wakaf tunai di UKM, UPM, UiTM dan KUIS?

II. Tinjauan Literatur

Amalan wakaf bukan merupakan amalan yang baru, sebaliknya telah lama dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Baginda Rasulullah SAW telah membina Masjid Quba' yang menandakan amalan wakaf seperti membina masjid amat digalakkan dalam Islam. Selepas Masjid Quba', Masjid Nabawi pula dibina oleh Baginda Rasulullah SAW pada tahun pertama hijrah [Razali Othman (2015)]. Amalan wakaf adalah merupakan suatu perkara yang penting dalam sosio-ekonomi negara. Ini kerana wakaf dilihat mampu untuk membantu dalam meningkatkan taraf pendidikan masyarakat. Jika amalan wakaf ini mendapat sokongan penuh masyarakat dan industri negara maka tidak mustahil jika ianya berpotensi untuk menyuntik dana institusi pendidikan agar tidak sepenuhnya bergantung kepada peruntukan kerajaan [Haslindar Ibrahim et al (2013); Najibah Mustaffa & Zamro Muda (2014); Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014)]. Amalan wakaf amat dipandang mulia di sisi agama. Ini kerana wakaf adalah pemberian sesuatu yang bermanfaat semata-mata mengharapkan keredaan Allah SWT. Walaupun pewakaf sudah meninggal dunia, harta wakaf masih boleh dimanfaatkan oleh penerima wakaf secara berterusan. Ganjaran pahala kepada pewakaf juga berterusan selagi perkara yang diwakafkan itu digunakan [Shofian Ahmad (2008); Siti Mashitoh (2010); Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor (2015)]. Salah satu bentuk wakaf adalah wakaf tunai. Wakaf tunai adalah mewakafkan wang tunai bagi pengumpulan dana untuk membina sesuatu perkara yang boleh dimanfaatkan oleh orang ramai. Wakaf tunai diperkenalkan bagi memenuhi kepentingan (maslahat) umat Islam di Malaysia khususnya kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk mewakafkan harta tidak alih seperti tanah, kebun atau bangunan [Haslindar Ibrahim et al (2013); Muhammad Shofiyuddin Zakaria & Zamro Muda (2015)].

Pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia mempunyai dua proses. Proses pertama adalah pengumpulan dana iaitu usaha-usaha bagi mengutip dana wakaf. Proses kedua pula adalah pengagihan dana iaitu bagaimana dana yang telah dikumpulkan itu hendak digunakan atau dibelanjakan [Nadiyah Zulkiflee et al (2015)]. Dana wakaf yang telah dikumpulkan secara tunai hendaklah menukarkannya kepada benda kekal supaya wakaf tersebut mempunyai sifat tahan lama dan mampu memberikan manfaat kepada manusia secara berterusan [Shofiyan Ahmad (2008); Muhammad Shofiyuddin Zakaria & Zamro Muda (2015); Nadiyah Zulkiflee et al (2015); Siti Umairah Ali Hamdan & Siti Mashitoh Mahamood (2016)]. Aspek pengurusan pemasaran wakaf tunai juga wajar diberikan perhatian serius. Ini kerana tanpa pengurusan pemasaran yang baik, tidak banyak dana wakaf tunai yang dapat dikumpulkan. Pengurusan pemasaran yang sudah tentu akan meningkatkan hasil kutipan dana [Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014); Dewiyana Saparudin, Md Yazid Ahmad; Nadiyah Zulkiflee et al (2015)]. Berkesan Golongan yang terlibat dalam pengurusan pentadbiran wakaf mesti mempunyai kefahaman tentang konsep wakaf yang sebenar agar tidak terkeliru penggunaan antara harta wakaf, zakat dan sedekah. Harta wakaf digunakan untuk sesuatu yang dapat memberikan manfaat kepada manusia secara berterusan. Harta zakat pula hendaklah diagihkan kepada asnaf zakat. Manakala harta sedekah boleh diberikan kepada manusia tanpa terikat dengan apa-apa tempoh manfaat [Ahmad Zaki Haji Latif (2008); Najibah Mustaffa & Zamro Muda (2014); Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014)]. Pentadbiran dan pengurusan wakaf tunai memerlukan gerak kerja yang sistematik, proaktif, kreatif dan inovatif. Sistematik adalah tersusun kemas. Proaktif adalah kesungguhan dalam melakukan sesuatu. Kreatif adalah pemikiran unik dalam membuat perbezaan bagi mencapai kejayaan. Inovatif pula keunikan pemikiran dalam mencipta sesuatu yang lain berbanding dengan yang lain [Nik Mustapha Nik Hassan (1999); Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014)]. Hala tuju pengurusan wakaf tunai IPT di negeri Selangor adalah amat penting dalam mencapai organisasi wakaf yang sistematik dan unggul. Hala tuju bermaksud arah atau tuju [Kamus Dewan Edisi Keempat]. Dengan wujudnya hala tuju pengurusan wakaf tunai yang terbaik pasti akan menatijahkan hasil wakaf yang baik pula.

III. Metodologi Kajian

Dalam kaedah kajian, penentuan terhadap metode kajian adalah sangat penting. Pemilihan metode kajian mestilah sesuai dan tepat agar dapat menghasilkan penulisan ilmiah yang terbaik. Reka bentuk kajian yang dipilih oleh penulis ialah kualitatif. Penulis menggunakan metode temubual dalam pengumpulan data dan metode komparatif dalam menganalisis data.

3.1 Metode Temubual

Penulis menggunakan kaedah temubual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan topik Wakaf Tunai menerusi wakil bahagian wakaf institusi pengajian tinggi yang terpilih.

3.2 Metode Komparatif

Metode ini digunakan oleh penulis bagi tujuan membuat perbandingan di antara data-data yang diperolehi. Hasil perbandingan dari data-data tersebut dianalisis secara sistematik untuk dibuat kesimpulan bagi menghasilkan data atau maklumat yang lebih tepat menurut neraca sebenar syarak. Penulis membuat kajian tentang pengurusan wakaf oleh empat buah institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Pemilihan kepada keempat-keempat universiti tersebut kerana universiti-universiti ini telah menjalankan aktiviti kutipan dan agihan wakaf. Selain itu, institusi-institusi pengajian tinggi ini adalah berada di negeri yang sama, Selangor, dan mengikuti undang-undang negeri yang sama.

IV. Hasil Kajian

4.1 Status Wakaf Universiti

Menurut Puan Syafyny daripada Bahagian Wakaf KUIS, setelah memeterai persetujuan bersama dengan PWS, hubungan kami amat rapat. Kami memang bekerjasama dengan PWS secara langsung dan tiada apa-apa masalah. Kami adalah merupakan ejen, bukan *mutawalli*. Ejen jika mempunyai sesuatu rancangan atau projek wakaf yang hendak dilakukan mesti dibawa ke dalam mesyuarat bersama dan mendapatkan kebenaran daripada PWS terlebih dahulu. Tidak seperti *mutawalli* yang lebih mudah untuk melaksanakan apa-apa rancangan. Jadi ejen lebih ketat sedikit peraturannya. Menurut En. Ridzuan daripada Bahagian Wakaf UKM, bentuk hubungan antara Bahagian Wakaf UKM dengan PWS adalah ejen kepada *mutawalli*. Bukan seperti status *mutawalli* yang diberikan oleh MAIN Negeri Sembilan kepada USIM. USIM dapat status *mutawalli* oleh MAIN mereka. Menurut En. Faisol daripada Bahagian Wakaf UiTM, hubungan antara Bahagian Wakaf UiTM dengan PWS adalah ejen sama seperti KUIS dan UKM. Jadi pembahagian hibah daripada *'ain* wakaf adalah sama juga seperti KUIS dan UKM. Menurut En. Nuruliman daripada Bahagian Wakaf UPM, bentuk hubungan antara Bahagian Wakaf UPM dengan PWS adalah wakil kepada PWS. Ini jelas disebutkan dalam perjanjian bersama. Ini bermakna pembahagian hibah daripada *'ain* antara PWS dengan UPM adalah 15-85. Model pembahagian hibah seperti ini adalah sama seperti universiti lain di Selangor.

Bahagian Wakaf Universiti	Status
KUIS	Merupakan ejen kepada PWS bukan Mutawalli
UKM	Merupakan ejen kepada PWS bukan Mutawalli
UiTM	Merupakan ejen kepada PWS bukan Mutawalli
UPM	Merupakan 'wakil' kepada PWS bukan Mutawalli

4.2 Program-program Kerjasama Wakaf Universiti dengan MAIN

Menurut Puan Syafyny, Bahagian Wakaf KUIS sering menjalinkan hubungan dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) terutamanya dalam aspek khidmat nasihat. Contohnya, bagaimana kaedah untuk membuat resit dengan betul, dan jika hendak membuat promosi akan merujuk kepada PWS sama ada cara yang hendak digunakan itu boleh atau tidak. Jika hendak buat *brochure*, perlu mendapatkan pengesahan daripada PWS terlebih dahulu. Selalunya jika PWS buat seminar akan menjemput Bahagian Wakaf KUIS untuk turut hadir. Ini secara tidak langsung mengeratkan lagi hubungan antara Bahagian Wakaf KUIS dengan PWS. Menurut En. Faisol daripada Bahagian Wakaf UiTM, antara program yang dianjurkan bagi mengeratkan hubungan dengan PWS adalah penganjuran seminar antarabangsa yang dinamakan sebagai ZAWFI iaitu akronim kepada Zakat, Wakaf dan Filantropi. Program lain yang sedang dirancang adalah bengkel. Tetapi pelaksanaan bengkel ini sedang menunggu tarikh yang sesuai daripada PWS. Menurut En. Ridzuan daripada Bahagian Wakaf UKM, hubungan dan kerjasama dengan PWS lebih jelas kelihatan ketika IPT-IPT seperti UM, UKM dan UPM bersama PWS merangka dasar dan polisi wakaf negara menerusi Buku Ungu (*Purple Book*). Sekretariat IPT juga sering menjemput hadir ke bengkel dan dialog tentang wakaf. Dari situ hubungan kami dengan PWS berlanjutan. Menurut En. Nuruliman daripada Bahagian Wakaf UPM, hubungan dan kerjasama dengan PWS boleh dilihat daripada usaha bersama bagi mewujudkan Buku Ungu (*Purple Book*) merangka dasar dan polisi wakaf negara. Hubungan dan kerjasama dari segi promosi pula difokuskan kepada bulan Ramadhan kerana pada bulan tersebut ramai orang ingin berwakaf dan bulan Disember kerana bulan Disember adalah bulan ramai orang hendak berwakaf bagi tujuan mendapatkan pelepasan cukai. Pada dua bulan tersebut kerjasama dari segi promosi dengan PWS amat diperlukan.

Bahagian Wakaf Universiti	Program Kerjasama Dengan PWS
KUIS	1. Bimbingan Khidmat Nasihat Daripada PWS 2. Seminar
UKM	1. Kerjasama Rangka Buku Ungu (Dasar Wakaf Negara)
UiTM	1. Seminar Antarabangsa (ZAWFI) 2. Bengkel/ Dialog
UPM	1. Kerjasama Rangka Buku Ungu (Dasar Wakaf Negara) 2. Kerjasama Promosi Wakaf Di Bulan Ramadhan & Disember

4.3 Bentuk Akaun Dana Wakaf Universiti

Menurut Puan Syafyny, bentuk akaun kutipan dana wakaf KUIS adalah simpanan tapi ianya disimpan di dalam Perbadanan Wakaf Selangor, tidak disimpan sendiri di bank. Menurut En. Faisol, bentuk akaun kutipan dana wakaf UiTM adalah akaun simpanan, bukan akaun pelaburan atau Mudharabah. Menurut En. Ridzuan, bentuk akaun kutipan dana wakaf UKM kalau berdasarkan pengetahuannya sebelum ini adalah berkonsepkan Wadiah iaitu akaun simpanan biasa, bukan Mudharabah. Menurut En. Nuruliman, bentuk akaun kutipan dana wakaf UPM adalah berkonsepkan Wadiah iaitu simpanan biasa, bukan Mudharabah.

Bahagian Wakaf Universiti	Bentuk Akaun Dana Wakaf
KUIS	Akaun simpanan
UKM	Akaun simpanan
UiTM	Akaun simpanan
UPM	Akaun simpanan

4.4 Pelaburan Dana Wakaf

Dalam temubual penulis dengan wakil bahagian wakaf universiti mendapati hanya Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) sahaja dengan secara jelas menyatakan ada melaburkan dana wakaf bagi menghasilkan pulangan yang berlipat ganda.

Bahagian Wakaf Universiti	Pelaburan Dana Wakaf
KUIS	Tidak diketahui
UKM	Tidak diketahui
UiTM	Ada
UPM	Ada

4.5 Hala Tuju Pengurusan Wakaf Universiti

Menurut Puan Syafyny, halatuju kutipan wakaf KUIS adalah untuk membina satu bangunan universiti dan menyediakan fasiliti untuk kegunaan warga KUIS. Menurut En. Faisal, halatuju kutipan wakaf UiTM adalah untuk membina masjid di UiTM Puncak Alam. Ini kerana UiTM Puncak Alam masih belum ada masjid. Selain itu, UiTM juga ada cadangan untuk membina asrama pelajar kerana asrama pelajar sedia ada tidak mencukupi untuk menampung para pelajar yang ramai. En. Ridzuan masih belum menyatakan secara jelas tentang halatuju wakaf UKM sama ada ingin membina bangunan fizikal atau lain-lain. Namun, apa yang jelas di dalam *pamphlet* yang diedarkan ada menyebutkan wakaf UKM adalah bertujuan untuk membantu dermasiswa penyelidikan. Dermasiswa penyelidikan ini adalah penajaan dana kepada warga UKM untuk menghasilkan buku penyelidikan yang bermanfaat. Menurut En. Nuruliman, halatuju wakaf UPM sangat banyak. Antaranya, UPM bercadang untuk menyediakan fasiliti masjid, menyediakan fasiliti gimnasium, menyediakan fasiliti Perpustakaan Sultan Abdul Samad dan menyediakan ambulans bagi fasiliti kesihatan warga UPM.

Bahagian Wakaf Universiti	Halatuju Pengurusan Wakaf
KUIS	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bina bangunan universiti 2. Sedia fasiliti universiti
UKM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dermasiswa penyelidikan
UiTM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bina masjid universiti 2. Bina asrama pelajar
UPM	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fasiliti masjid 2. Fasiliti gimnasium 3. Fasiliti perpustakaan 4. Fasiliti kesihatan – ambulans. 5. Ruang perniagaan

V. Kesimpulan

Kesimpulannya, Bahagian Wakaf institusi pengajian tinggi KUIS, UKM dan UiTM memiliki status yang sama iaitu sebagai 'ejen' kepada Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dalam mengutip wakaf. Manakala UPM mempunyai status seakan-akan sama iaitu 'wakil' kepada PWS. Persamaan antara semua universiti-universiti ini adalah kesemuanya perlu membahagikan 15 peratus keuntungan yang dijana daripada 'ain wakaf kepada PWS. Universiti-universiti ini tidak mendapat status 'mutawalli'. Menurut Pn. Syafyny, syarat kutipan wakaf untuk ejen lebih ketat berbanding status Mutawalli yang memiliki syarat lebih mudah untuk kutipan wakaf. Menurut En. Ridzuan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Negeri Sembilan mendapat status Mutawalli. Keempat-empat universiti mempunyai program kerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Program kerjasama KUIS-PWS adalah bimbingan khidmat nasihat daripada PWS kepada KUIS dan Seminar. Program seminar juga dijalankan oleh UiTM bagi melambangkan kerjasama dengan PWS yang dinamakan sebagai ZAWFI. Program kerjasama UKM-PWS yang dapat dilihat adalah program membuat dasar wakaf negara menerusi Buku Ungu (Purple Book). Program ini turut disertai oleh UPM. Selain

itu, UPM mempunyai program kerjasama lain dengan PWS iaitu bengkel. Keempat-empat universiti juga menyimpan dana wakaf ke dalam akaun simpanan biasa, bukan akaun Mudharabah. UiTM dan UPM ada melaburkan dana wakaf supaya dapat menghasilkan pulangan yang berlipat kali ganda. Bahagian wakaf KUIS, UKM, UiTM dan UPM mempunyai hala tuju pengurusan wakaf yang berbeza. Hala tuju yang dimaksudkan ini adalah rancangan (*plan*) bagi kutipan wakaf yang dijalankan. Hala tuju wakaf KUIS adalah membina bangunan dan menyediakan fasiliti universiti. Bahagian Wakaf UKM berdasarkan *pamphlet* yang diedarkan adalah menyediakan dermasiswa penyelidikan. Rancangan bahagian wakaf UiTM pula adalah membina masjid universiti di Puncak Alam dan membina asrama pelajar untuk mendapat pulangan daripada sewaan. Bahagian wakaf UPM pula mempunyai banyak perancangan iaitu menyediakan fasiliti masjid, gimnasium, perpustakaan, kesihatan iaitu van ambulans dan ruang perniagaan. Antara kekuatan model pengurusan wakaf yang dilaksanakan oleh UKM adalah lebih mudah untuk diuruskan kerana tidak memerlukan penukaran kepada bentuk harta kekal pada masa ini (sehingga tahun 2016). Tetapi manfaat wakaf tersebut diagihkan dalam bentuk dermasiswa. Manakala model pengurusan wakaf tunai UPM adalah sedikit berbeza dengan UKM. Ini kerana UPM melaburkan wakaf tunai ke dalam akaun Mudharabah tetapi pelaburan ini bersifat sementara sehingga jumlah mencukupi untuk pembinaan ruang perniagaan dan pembinaan infrastruktur yang lain.

Walaupun bagaimanapun, model pengurusan wakaf tunai oleh mana-mana institusi pengajian tinggi yang tidak ditukarkan kepada bentuk harta kekal maka didapati kurang tepat dengan konsep wakaf yang sebenar menurut ulama yang tidak mengharuskan wakaf tunai (al-Nawawi 1996, al-Sayyid al-Sabiq 1999, Muhammad al-Zuhayli 2007). Ini kerana konsep wakaf tunai yang dibenarkan adalah mengumpul wakaf tunai dan kemudian menukarkan wakaf tunai tersebut kepada harta kekal agar dapat memberikan manfaat yang lebih besar. Wakaf tunai yang disimpan di dalam akaun adalah terdedah kepada kejatuhan nilai. Berdasarkan kepada rekod nilai matawang oleh Bank Negara Malaysia (BNM), pada 2 Mei 2014 nilai matawang negara adalah 3.2690 kemudian telah jatuh merudum sehingga 2 Mei 2017 iaitu 4.3275 (Laman Sesawang Bank Negara Malaysia). Namun, sekiranya wakaf tunai itu mempunyai perancangan untuk ditukarkan kepada bentuk harta kekal maka ia dianggap sebagai satu bentuk pengurusan wakaf yang lestari dan terbaik. Dari sudut Fiqh al-Awlawiyyat (Fiqh Keutamaan) yang menekankan sesuatu perkara yang lebih utama itu mesti didahulukan ke atas perkara yang lain, maka adalah lebih utama mewakafkan harta kekal atau menukarkan wang tunai yang diwakafkan kepada harta kekal memandangkan manfaat yang boleh diperolehi daripada harta kekal itu besar manfaatnya contohnya kebun, kilang dan sebagainya. Wang tunai yang dilaburkan ke akaun *Mudharabah*, kemudian menunggu hasil dividen selama setahun, dan selepas itu baru diagihkan kepada warga universiti adalah kurang manfaatnya, kerana individu-individu tertentu sahaja yang boleh mendapat manfaat daripadanya berbanding harta kekal yang mana lebih ramai boleh mendapatkan manfaatnya. Prinsip-prinsip keutamaan (*al-awlawiyyat*) yang disandarkan ini ada banyak iaitu mengutamakan masalah yang telah diyakini ke atas masalah yang belum memberi keyakinan, mengutamakan masalah yang besar ke atas masalah yang kecil, mengutamakan masalah orang ramai ke atas masalah individu, mengutamakan masalah yang banyak ke atas masalah yang sedikit, mengutamakan masalah yang kekal ke atas masalah yang sementara dan mengutamakan masalah yang asas ke atas masalah sampingan (al-Qaradhawi 2001). Berdasarkan kepada prinsip Sadd al-Dharai' iaitu menegah sesuatu yang buruk akan berlaku (Abdul Wahab Khallaf 1995) maka wakaf tunai mesti ditukarkan kepada harta kekal. Ini kerana membiarkan wakaf tunai terkumpul di dalam akaun pelaburan tanpa objektif untuk menukarkan wakaf itu kepada harta kekal akan merugikan. Kerugian yang dianggarkan adalah sekiranya pelaburan tersebut tidak mendapat apa-apa pulangan. Kerugian juga akan berlaku sekiranya tidak ditadbir urus dengan baik dan menyebabkan wakaf tunai itu tidak berkembang dan tidak memberikan manfaat. Dari sudut Fiqh al-Waqi' (Fiqh Realiti) yang menekankan supaya melakukan sesuatu itu agar sesuai dengan konteks semasa (Fahrul Irfan 2006). Dalam masa yang sama tidak mengeneikan prinsip syarak yang sebenar. Maka wakaf tunai adalah diharuskan. Namun begitu, wakaf tunai yang telah dikumpulkan itu mesti ditukarkan kepada harta kekal. Kerelevanan hal ini adalah kerana wakaf tunai yang ditukarkan kepada harta kekal lebih banyak memberikan manfaat dan lebih ramai yang akan mendapat manfaat daripada harta kekal tersebut. Fiqh al-Waqi' juga memelihara nilai wakaf tunai yang disumbangkan agar ditukarkan kepada sesuatu yang lebih baik seperti bangunan atau tanah dan menghindarkan risiko pelaburan yang tidak menjanjikan keuntungan.

Model pengurusan wakaf tunai yang menukarkan wang tunai kepada harta kekal ini akan mempersembahkan dalam bentuk yang zahir sesuatu wakaf yang telah diuruskan dan dibangunkan dengan baik sekaligus menangkis segala sesuatu yang boleh menjadi fitnah kepada pengurusan wakaf itu sendiri. Kini, negara Malaysia semakin hampir merealisasikan sepenuhnya agenda Wawasan 2020 dan sudah mula membincangkan dan merangka agenda negara yang seterusnya iaitu Transformasi Nasional 2050 (TN50). Dalam melangkah menjadi sebuah negara yang maju, antara cabaran yang akan dihadapi adalah aspek membangunkan institusi pendidikan yang mampu berdikari dari segi kutipan, penajaan dan pengembangan dana agar institusi pendidikan dapat menyediakan prasarana dan pendidikan yang terbaik dan efisien. Antara cadangan bagi melestarikan institusi pendidikan yang berprestij adalah menubuhkan jawatankuasa atau unit wakaf bagi menjadi medium untuk mengumpul dan mengembangkan dana institusi pendidikan. Institusi pendidikan yang bersandarkan kepada wakaf mampu memberikan banyak kelebihan.

Perkara penting yang mesti diutamakan dalam menggerakkan dana wakaf di institusi pendidikan adalah bekalan ilmu oleh ahli organisasi tersebut. Kepentingan ilmu dan kefahaman adalah penting supaya berjaya mewujudkan model pengurusan wakaf yang terbaik dan menjadi contoh kepada organisasi-organisasi penggerak wakaf yang lain.

Kesimpulannya, menurut penulis kesemua model pengurusan wakaf tunai institusi pengajian tinggi UKM, UPM, UiTM dan KUIS adalah baik kerana semua model pengurusan wakaf tunai IPT ini mempunyai hala tuju untuk menukarkan kepada harta kekal. Tetapi antara semua model penulis berpandangan model pengurusan wakaf tunai UiTM dan UPM adalah yang terbaik. Ini kerana model pengurusan wakaf universiti ini mampu melestarikan harta wakaf dan ia berpotensi untuk memberikan lebih banyak manfaat kepada orang ramai dan dalam masa yang sama mampu menjana dana daripada hala tuju pembangunan wakaf tadi seperti pembinaan ruang komersil dan pembinaan masjid yang boleh dimanfaatkan serta digunakan untuk aktiviti penjanaan dana wakaf.

Rujukan

1. Abadi. (2000). *Aun al-Ma'bud*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
2. Abdul Halim Ramli & Ahmad Che Yaacob (pnyt.). (2005). *Islam Hadhari: Pengukuhan Institusi Baitulmal dan Wakaf Di Malaysia*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
3. Abdul Wahab Khallaf. (1995). *Ilm Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
4. Abu Daud. (1974). *Sunan Abi Daud*. Dar al-Hadith.
5. Ahmad Shaifful Anuar Ahmad Shukor. (2015). *Potensi Wakaf Pendidikan Tinggi Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Ahmad Zaki Hj. Abd Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman, Norzaidi Mohd Daud. (2008). *Wakaf: Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
7. Al-'Asqalani. (2013). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Al-Risalah al-'Alamiah.
8. Al-Baji. (1999). *Al-Muntaqa Syarh Muwattha' Malik*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
9. Al-Bukhari. (1993). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
10. Al-Haitami. (2001). *Tuhfah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
11. Al-Jurdani. (1988). *Fath al-'Allam*. Dar al-Salam.
12. Al-Kasani. (1986). *Bada'i al-Shana'i fi Tartib al-Shara'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
13. Al-Khatib al-Sharbini. (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Makrifah Ma'ani al-Faz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
14. Al-Muwaq. (1994). *Al-Taj wa al-Iklil Li Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
15. Al-Nasa'i. (1999). *Sunan al-Nasa'i*. Kaherah: Dar al-Hadith.
16. Al-Nasfi. (1997). *Al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
17. Al-Nawawi. (1991). *Rawdah al-Talibin*. Beirut: Al-Maktabah al-Islami.
18. Al-Nawawi. (1996). *Al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
19. Al-Nawawi. (1996). *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Beirut: Dar al-Fikr.
20. Al-Nawawi. (2000). *Sahih Muslim Bi Syarh al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
21. Al-Qalyubi & Umairah. (2009). *Hashiata Qalyubi wa 'Umairah*. Beirut: Al-Maktabah al-Ashriyyah.
22. Al-Qaradhawi. (2001). *Fi Fiqh al-Awlawiyyat, Dirasat Jadidah fi Dhau' al-Quran wa al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
23. Al-Qarafi. (2001). *Al-Dzakhirah Fi Furu' al-Malikiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
24. Al-Ramli. (1993). *Nihayah al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
25. Al-Sarakhsi. (2013). *Al-Mabsuth*. Syria: Dar al-Nawadir.
26. Al-Sayyid al-Sabiq. (1999). *Fiqh al-Sunnah*. Al-Maktabah al-'Ashriyyah.
27. Al-Shafi'i. (1993). *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
28. Al-Shan 'ani. (1988). *Subul al-Salam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
29. Al-Shawkani. (1998). *Nail al-Awtar*. Damsyik: Dar al-Khair.
30. Al-Shirazi. (1995). *Al-Muhadzdzab Fi al-Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
31. Al-Sobuni. (1997). *Sofwah al-Tafasir*. Kaherah: Dar al-Sobuni.
32. Al-Suyuti. (1990). *Al-Asybah wa al-Nazhair*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
33. Al-Tirmidhi. (2007). *Sunan al-Tirmidhi*. Maktabah Dar al-Salam.
34. Al-'Uthaimin. (2005). *Syarh Riyadh al-Solihin*. Riyadh: Dar al-Watan Li al-Nasyr.
35. Al-Zirkili. (2002). *Al-'Alam*. Dar al-Ilm Lil Malayin.
36. Annon. (1992). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah*. Wizarah al-Awqaf al-Kuwait.
37. Annon. (2010). *Manual Pengurusan Istibdal Wakaf*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Jabatan Perdana Menteri.
38. Annon. (2012). *Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
39. Annon. (2013). *Fatwa-fatwa Yang Diwartakan*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
40. Badruddin al-'Aini. (2001). *Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
41. Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali & S.Salahudin Suyurno. (2006). *Pengenalan Pengurusan Wakaf Di Malaysia*. Selangor: Pusat Penerbitan UiTM (UPENA).
42. Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali & S.Salahudin Suyurno. (2006). *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf dalam Islam*. Selangor: Pusat Penerbitan UiTM (UPENA).
43. Dewiyana Binti Saparudin & Md Yazid Bin Ahmad. *Keberkesanan Wakaf Tunai: Perspektif Prestasi Kutipan Dana Wakaf di Selangor*. hlm. 338-346.
44. Fahrul Irfan bin Ishak. (2006). *Fiqh al-Waqi': Fiqh Memahami Isu-isu Semasa*. Johor Bahru: Jahabersa.
45. Fairuzabadi. (2005). *Al-Qamus al-Muhiith*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
46. Ibnu Abdil Bar. (1999). *Al-Tamhid Lima Fi al-Muwattha' Min al-Ma'ani wa al-Asanid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
47. Ibnu Abdil Bar. (2000). *Al-Istidzkar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
48. Ibnu Abidin. (2000). *Hashiah Ibnu Abidin*. Damsyik: Dar al-Thaqafah wa al-Turath.
49. Ibnu al-Hamam. (1995). *Syarh Fath al-Qadir*. Beirut: Al-Maktabah al-Ashriyyah.
50. Ibnu Faramarz. *Durar al-Hukkam Syarh Gharar al-Ahkam*. Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
51. Ibnu Hibban. (1997). *Sahih Ibnu Hibban*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
52. Ibnu Majah. (2000). *Sunan Ibnu Majah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
53. Ibnu Qudamah. (1996). *Al-Mughni*. Kaherah: Dar al-Hadith.
54. Laman Sesawang GONTOR: <https://www.gontor.ac.id/institut-studi-islam-darussalam>
55. Laman Sesawang Harian Metro: <http://www1.hmetro.com.my/node/192178>

56. Laman Sesawang Jabatan Agama Islam Terengganu: <http://jheatweb.terengganu.gov.my/maxc2020/agensi/article.php?cid=37&aid=8731&frommenu=1&fromfile=>
57. Laman Sesawang Johor Corporation: <http://www.jcorp.com.my/waqaf-an-nur-hospital-clinics-35.aspx>
58. Laman Sesawang Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu: <http://www.maidam.gov.my/index.php/>
59. Laman Sesawang Perbadanan Wakaf Selangor: <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/wakaf/saham-wakaf-selangor/terimaan-sumbangan-sws>
60. Laman Sesawang Bank Negara Malaysia: <http://bnm.gov.my>
61. Laman Sesawang Wakaf Johor: http://www.e-wakafjohor.gov.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=164
62. Laman Sesawang Wakaf Perak Ar-Ridzuan: <http://wakafperak.maiamp.gov.my/v1/index.php/projek-wpar/wakaf-tunai>
63. Laman Sesawang Wakaf UiTM: <http://wakaf.uitm.edu.my/about/>
64. Laman Sesawang Wakaf UKM: <http://www.waqaf.ukm.my/Pages/LatarBelakang.aspx>
65. Laman Sesawang Wakaf UPM: http://www.fund4knowledge.upm.edu.my/ezakatputra/index.php?option=com_content&view=article&id=72&Itemid=135
66. Malik bin Anas. (1994). *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
67. Muhammad 'Alaish. (1989). *Manh al-Jalil Syarh 'ala Mukhtasar Sayyid Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
68. Muhammad Abu Zahrah. (1959). *Muhadarat fi al-Waqf*. Kaherah: Jami'at al-Duwal al-'Arabiyah.
69. Muhammad Al-Zuhayli. (2007). *Al-Mu'tamad Fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Damsyik: Dar al-Qalam.
70. Muhammad Ali al-Siddiqi. (2004). *Dalil al-Falihin Li Turuq Riyadh al-Solihin*. Beirut: Dar al-Makrifah.
71. Muhammad Asyraf al-Sadiqi. (1994). *'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
72. Muhammad Bakar Ismail. (2000). *Al-Fiqh al-Wadhih Min al-Kitab wa al-Sunnah 'ala al-Madzhahib al-Arba'ah*. Kaherah: Dar al-Manar.
73. Muhammad Rawwas al-Qal'aji. (1988). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*. Dar al-Nafa'is.
74. Muhammad Sofiyuddin Zakaria & Mohd Zamro Muda. (2015). *Pelaksanaan Wakaf Tunai di Malaysia: Satu Sorotan Literatur*. Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI) 2015. hlm. 44-50.
75. Muslim. (2000). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
76. Mustafa al-Bugha, Mustafa al-Khen & Ali al-Syarbaji. (1998). *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Shafi'i*. Damsyik: Dar al-Qalam.
77. Nadiyah Zulkiflee, Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. (2015). *Kesedaran Terhadap Wakaf Tunai: Kajian Di Besut, Terengganu*. Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015. hlm. 171-181.
78. Nik Mustapha Nik Hassan (pnyt.). (1999). *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Insititut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
79. Rahmah Ismail. (1998). *Sumbangan Pendidikan Ke Atas Pertumbuhan Ekonomi Malaysia*. *Jurnal Ekonomi*, 32: 3-20 UKM.
80. Razali Othman. (2013). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
81. Razali Othman. (2015). *Wakaf Tunai: Sejarah Amalan dan Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
82. Shofian bin Ahmad. (2008). *Wakaf Tunai: Peranan Dan Keistimewaannya Dalam Sistem Ekonomi Islam*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf. 18-19 Oktober 2008. hlm. 317-324.
83. Siti Mashitoh Mahamood. (2006). *Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspectives*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
84. Siti Zakiah binti Ali & Hairunnizam Wahid. (2014). *Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9). 17-19 Oktober 2014. hlm. 216-225.
85. Surita Hartini Mat Hassan. (2015). *Potensi Dinar Emas Dalam Wakaf Tunai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
86. Surtahman Kastin Hasan. (2015). *Sistem Ekonomi Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
87. Wahbah Al-Zuhaili. (1996). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
88. Wahbah Al-Zuhaili. (2008). *Al-Fiqh al-Shafi'i al-Muyassar*. Damsyik: Dar al-Fikr.
89. Zakariyya al-Kandahlawi. (2003). *Awjaz al-Masalik ila Muwattha' Malik*. Damsyik: Dar al-Qalam.

